

## DEKLARASI ISLAMI MENGENAI PERUBAHAN IKLIM (DIPI)

---

*Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

### PENDAHULUAN

- 1.1 Tuhan yang Menciptakan alam semesta ini dengan segala macam kepelbagaian, kekayaan dan keunikan: meliputi bintang-bintang, matahari dan bulan, bumi dan pelbagai makhluk lain. Penciptaan ini menyerlahkan dan menzahirkan keagungan dan rahmat-Nya yang tidak terbatas. Fitrah semua makhluk yang dicipta-Nya adalah untuk menyembah dan memuliakan-Nya dengan tunduk kepada ketentuan-Nya. Manusia diciptakan untuk menyembah Tuhan sekalian alam, di samping menyantuni dan berbuat baik kepada semua spesies, individu dan keturunan ciptaan-Nya.
- 1.2 Bumi ini telah wujud sejak berbilion tahun dahulu, justeru perubahan iklim bukan sesuatu yang baharu. Iklim bumi telah melalui fasa lembap dan kering, sejuk dan panas, yang merupakan tindak balas pelbagai faktor alam semulajadi. Kebanyakan perubahan ini berlaku secara beransur-ansur yang membolehkan hidupan membuat penyesuaian yang diperlukan. Terdapat juga bencana perubahan iklim yang membawa kepada kepupusan pada skala yang besar. Namun selepas satu tempoh, hidupan mampu membuat penyesuaian kepada kesan perubahan tersebut, dengan kembali berkembang biak mengikut keseimbangan ekosistem yang wujud seperti yang kita nikmati pada hari ini. Perubahan iklim pada masa lalu berperanan penting dalam pembentukan bahan api fosil yang banyak sehingga dapat dimanfaatkan oleh manusia pada masa kini. Ironinya, kita menggunakan sumber asli ini secara tidak berhemah dan tidak bijak sehingga menjejaskan kelangsungan hidup kita di dunia ini.
- 1.3 Kadar perubahan iklim global yang dialami kini adalah berbeza magnitudnya berbanding masa lampau yang telah melalui perubahan secara beransur-ansur sehingga era yang terdekat, iaitu era Senozoik. Hal ini menjadi lebih serius kerana perubahan yang berlaku adalah disebabkan manusia sendiri: manusia adalah daya dominan ke atas alam semulajadi. Zaman kehidupan kita hari ini diistilahkan dari segi geologi sebagai *Anthropocene*, atau 'Zaman Manusia'. Walaupun manusia dipilih untuk menjadi penjaga atau pemimpin (khalifah) di muka bumi, manusia turut menjadi penyebab kepada penyelewengan dan kemusnahan yang boleh menamatkan kehidupan di dunia ini. Kadar perubahan iklim pada waktu sekarang tidak mampan, dan keseimbangan (*mizan*) bumi akhirnya boleh hilang. Oleh kerana kita adalah sebahagian daripada alam semulajadi, khazanah alam telah digunakan untuk manfaat manusia. Bagaimanapun, bahan api fosil yang membantu kita mengecapi kemakmuran dalam kehidupan juga merupakan punca utama kepada perubahan iklim. Pencemaran berlebihan daripada bahan api fosil menjadi ancaman yang membawa kepada kemusnahan pelbagai anugerah Illahi – nikmat seperti iklim yang tidak terjejas, udara segar untuk bernafas, peredaran musim yang teratur, dan lautan yang kaya dengan kehidupan. Sikap manusia yang tidak berhemah dalam menggunakan nikmat alam ini telah menyumbang kepada penyalahgunaannya. Apakah yang bakal dikatakan oleh generasi akan datang mengenai kita – yang telah mewariskan sebuah planet yang tercemar kepada mereka? Bagaimanakah keadaan kita nanti apabila berhadapan dengan Yang Maha Pencipta?

1.4 Kita perlu maklum bahawa Penilaian Ekosistem Milenium (UNEP, 2005) yang disokong oleh lebih 1,300 orang saintis daripada 95 buah negara, mendapati bahawa "secara keseluruhannya, manusia telah melakukan perubahan yang amat besar kepada ekosistem pada separuh kedua abad ke-20 berbanding dalam tempoh lain sepanjang sejarah peradaban manusia; perubahan ini telah meningkatkan kesejahteraan manusia, tetapi di masa yang sama hal ini telah mengakibatkan peningkatan kemusnahan (terhadap alam sekitar) dan aktiviti manusia memberi tekanan kepada fungsi semulajadi alam sehingga keupayaan ekosistem planet untuk menampung generasi akan datang tidak lagi boleh diambil mudah."

1.5 Setelah sepuluh tahun berlalu dengan berlangsungnya pelbagai persidangan untuk mencapai persetujuan bagi menggantikan Protokol Kyoto, keadaan bumi kini kian merosot. Satu kajian yang dilakukan oleh Panel Antara Negara Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) yang terdiri daripada lebih 100 buah negara telah diterbitkan pada Mac 2014 menggariskan lima sebab kebimbangan iaitu:

- Ekosistem dan peradaban manusia menghadapi risiko hasil daripada perubahan iklim;
- Risiko akibat perubahan iklim adalah disebabkan fenomena melampau seperti kekerapan berlakunya gelombang panas, taburan hujan yang ekstrem dan banjir di kawasan pesisir pantai;
- Risiko-risiko yang dialami tidak sekata, dan umumnya golongan miskin dan komuniti yang kurang bernasib baik lebih terdedah kepada risiko yang lebih besar dalam semua peringkat pembangunan;
- Impak terdekat akan memberi kesan buruk terhadap biodiversiti bumi, sumber dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh ekosistem, dan keseluruhan ekonomi global;
- Sistem teras fizikal bumi menghadapi risiko perubahan mendadak dan bersifat kekal.

Daripada amaran-amaran tersebut di atas, kesimpulan boleh dibuat bahawa manusia telah melakukan kesilapan yang amat serius dalam menguruskan sumber asli yang merupakan sumber-sumber kehidupan di bumi. Satu penilaian semula yang segera dan radikal amat diperlukan. Manusia tidak akan dapat bertahan dengan perkembangan yang begitu perlahan yang dilihat dalam semua proses COP (Persidangan Pihak-pihak Berkepentingan – rundingan mengenai perubahan iklim) sejak Penilaian Ekosistem Milenium diterbitkan pada 2005, mahupun kebuntuan yang dialami kini.

1.6 Semenjak Revolusi Perindustrian, dalam masa yang singkat sahajamanusia telah menggunakan terlalu banyak sumber yang tidak boleh diperbaharui. Sumber ini telah mengambil masa 250 juta tahun untuk dihasilkan – semuanya atas nama pembangunan ekonomi dan kemajuan manusia. Kita perlu mengambil berat kesan daripada peningkatan penggunaan sumber per kapita dan peningkatan populasi manusia. Kita juga perlu memberi perhatian terhadap perebutan oleh pelbagai negara untuk mendapatkan bahan api fosil di bawah litupan ais di kawasan Artik kerana hal ini akan mempercepatkan kemusnahan akibat perubahan iklim.

1.7 Saintis iklim terkemuka kini percaya bahawa peningkatan sebanyak dua darjah Celcius suhu global, yang dianggap sebagai "titik perubahan", tidak lagi dapat dielakkan jika kita masih meneruskan aktiviti seperti biasa; malah terdapat juga saintis iklim yang berpendapat bahawa peningkatan 1.5 darjah Celcius lebih cenderung menjadi "titik perubahan". Ini merupakan titik yang dianggap sebagai permulaan perubahan iklim yang membawa bencana, yang mendedahkan berjuta-juta manusia dan hidupan lain kepada kemarau, kelaparan dan banjir.

Beban ini akan terus ditanggung oleh golongan miskin, kerana bumi telah mengalami peningkatan drastik tahap karbon di atmosfera semenjak bermulanya Revolusi Perindustrian.

- 1.8 Amat membimbangkan bahawa di sebalik semua amaran dan ramalan, solusi kepada Kyoto Protokol yang sepatutnya dimeterai pada 2012, masih tertangguh. Perkara ini penting kerana semua negara, terutamanya negara maju perlu meningkatkan usaha mereka dan mengambil pendekatan proaktif yang diperlukan bagi menghentikan dan akhirnya merubahh dan membaik pulih kerosakan yang telah dilakukan.

## **KAMI MENEGASKAN**

- 2.1 Kami menegaskan bahawa Allah ialah Tuhan dan Pentadbir (*Rabb*) semesta alam

*Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam*

**Al-Quran 1: 1**

Dialah Pencipta Yang Satu – Dia adalah *al-Khaliq*

*Dialah Allah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa (makhluk-makhlukNya mengikut kehendakNya)*

**Al-Quran 59: 24**

*Yang memperindahkan segala sesuatu yang Dia ciptakan*

**Al-Quran 32: 7**

Tiada yang diciptakan-Nya tanpa nilai. Setiap perkara yang diciptakan-Nya adalah *bi 'l-haqq* , benar dan betul.

*Dan tidaklah Kami bermain-main menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada diantara keduanya. Tidaklah Kami ciptakan keduanya melainkan dengan benar.*

**Al-Quran 44: 38 - 39**

- 2.2 Kami menegaskan bahawa Dia merangkumi segala ciptaan-Nya - Dia adalah *al-Muhit*

*Dan milik Allahlah apa yang ada dilangit dan apa yang ada di bumi, dan (pengetahuan) Allah meliputi segala sesuatu.*

**Al-Quran 4: 126**

- 2.3 Kami menegaskan bahawa -

- Allah menciptakan bumi dalam keseimbangan yang sempurna (*mizan*);
- Dengan rahmat-Nya yang luas telah diberikan kepada kita tanah yang subur, udara segar, air bersih dan semua perkara yang baik di bumi yang menjadikan kehidupan kita di atas muka bumi berdaya maju dan sejahtera;

- Bumi berfungsi dalam sistem dan kitaran bermusim: iklim yang membolehkan makhluk-makhluk – termasuk manusia – berkembang maju;
- Bencana perubahan iklim adalah hasil daripada gangguan manusia terhadap keseimbangan alam

*Dan langit telah ditinggikanNya dan Dia ciptakan keseimbangan.*

*Agar kamu jangan merosakkan keseimbangan itu.*

*Dan tegakkanlah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangkan keseimbangan itu.*

*Dan bumi telah dibentangkanNya untuk makhlukNya.*

**Al-Quran 55: 7-10**

2.4 Kami mengesahkan keadaan tabii (*fitrah*) ciptaan Allah -

*Maka hadaplah wajahmu dengan lurus kepada agama (Islam); (sesuai) fitrah Allah disebabkan Dia telah menciptakan manusia menurut (fitrah) itu. Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

**Al-Quran 30: 30**

2.5 Kami menyedari akan kerosakan (*fasad*) yang dilakukan manusia di bumi disebabkan oleh usaha berterusan ke arah pertumbuhan ekonomi dan penggunaan sumber alam. Rentetan daripada hal ini telah menyebabkan:-

- Perubahan iklim, yang merupakan kebimbangan kita sekarang merupakan tambahan kepada:
- Pencemaran atmosfera, tanah, sistem air pedalaman, dan lautan;
- Hakisan tanah, penebangan hutan dan penggurunan (desertifikasi);
- Kemusnahan, kemerosotan, dan pemecahan (fragmentasi) habitat dan komuniti hidupan di bumi yang membawa kepada kemusnahan kepelbagaian dan kekayaan ekosistem biologi seperti hutan hujan, tanah basah air tawar, dan terumbu karang;
- Kemerosotan terhadap manfaat dan peranan ekosistem;
- Pengenalan spesies asing yang invasif dan organisma terubahsuai genetik;
- Kerosakan kepada kesihatan manusia, termasuk pelbagai penyakit moden.

*Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)*

**Al-Quran 30: 41**

2.6 Manusia harus sedar bahawa kami hanyalah bahagian kecil dari aturan Allah, namun dalam aturan itu, kami adalah makhluk yang mempunyai keupayaan dan tanggungjawab untuk melakukan kebaikan dan menolak kejahatan dalam apa cara yang mungkin. Manusia juga harus sedar bahawa

- Dia tidak lain hanyalah salah satu jenis daripada hidupan yang berkongsi kehidupan di bumi ini;
- Dia tidak mempunyai hak untuk menindas atau menyebabkan bahaya ke atas makhluk yang lain;

- Akal dan hati nuraninya harus mengingatkan manusia, dan ajaran agamanya, supaya menjaga semua perkara dengan sebaiknya, dengan penuh ketakwaan kepada Pencipta, belas kasihan (*rahmah*) dan penuh kebaikan (*ihsan*).

*Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang berterbangan dengan kedua sayapnya, melainkan umat-umat seperti kamu.*

**Al-Quran 6: 38**

*Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

**Al-Quran 40: 57**

2.7 Kita harus menyadari bahawa kita bertanggungjawab di atas segala tindakan kita –

*Maka barang siapa mengerjakan kebaikan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa mengerjakan kejahatan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya.*

**Al-Quran 99: 7-8**

2.8 Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan yang tersebut ini, kami mengesahkan bahawa tanggungjawab sebagai umat Islam adalah untuk bertindak mengikut contoh Nabi Muhammad SAW –

- yang telah mengisytiharkan dan melindungi hak-hak semua makhluk hidup, mengharamkan adat menanam bayi perempuan hidup-hidup, melarang pembunuhan makhluk hidup secara suka-suka, mengajar para sahabat baginda menjimatkan air walaupun semasa berwuduk, melarang penebangan pokok di padang pasir, mengarahkan lelaki yang telah mengambil beberapa anak burung dari sarangnya untuk mengembalikan mereka kepada ibu mereka, dan apabila baginda datang kepada seorang lelaki yang menyalakan api pada busut, baginda memerintahkan: "Padamkan ia, padamkan ia!";
- yang telah mewujudkan zon larangan (*haram*) di sekitar Makkah dan Madinah, supaya tumbuh-tumbuhan asal tidak ditebang atau dipotong dan haiwan liar tidak diburu atau diganggu;
- yang telah mewujudkan kawasan perlindungan (*hima*) bagi pemuliharaan dan penggunaan padang ragut yang lestari, dan perlindungan tumbuhan dan hidupan liar.
- yang hidup bersederhana, tidak berlebihan, tidak membazir, dan tidak menunjuk-nunjuk;
- yang mengitar semula harta benda baginda yang tidak seberapa dengan membaikinya atau memberikannya sebagai sedekah;
- yang mengambil makanan yang sihat dan ringkas, dengan hanya sesekali menjamah daging;
- yang menghargai dan menikmati alam ciptaan-Nya; dan
- yang terkandung nama baginda Rasulullah di dalam ayat-ayat al-Quran sebagai "rahmat bagi sekalian alam."

## KAMI MENYERU

3.1 Kami menyeru kepada Persidangan Pihak-pihak Berkepentingan (COP) Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) dan Mesyuarat Pihak-pihak Berkepentingan (MOP) Protokol Kyoto yang akan berlangsung di Paris pada Disember 2015, untuk membincangkan dan mencapai kesimpulan yang saksama, dengan mengambil kira:

- Persetujuan saintifik mengenai perubahan iklim yang bertujuan menstabilkan kepekatan gas rumah hijau di atmosfera pada tahap yang dapat menghalang aktiviti manusia yang berbahaya dari mengganggu gugat kestabilan sistem iklim dunia;
- Keperluan untuk menetapkan sasaran yang jelas dan sistem pemantauan;
- Kesan buruk kepada bumi jika kita tidak berbuat demikian;
- Tanggungjawab besar yang digalas oleh COP mewakili seluruh umat manusia, termasuklah tanggungjawab mereka memimpin kita dengan cara baru untuk memakmurkan bumi, anugerah Tuhan.

3.2 Kami menyeru khususnya negara-negara kaya dan pengeluar minyak supaya:

- Memimpin dalam usaha menghentikan pelepasan gas rumah hijau seawal mungkin sebelum pertengahan abad ini;
- Menyediakan sokongan kewangan dan teknikal kepada negara yang kurang berada untuk menghentikan pelepasan gas rumah hijau seawal yang mungkin;
- Mengiktiraf tanggungjawab moral mengurangkan pengkonsumeran supaya golongan miskin turut mendapat manfaat daripada sumber tidak boleh diperbaharui yang masih ada di bumi;
- Berada dalam had '2 darjah Celcius', atau sebaik-baiknya dalam had '1.5 darjah Celcius', dengan mengambil kira bahawa dua pertiga rizab bahan api fosil dikekalkan dalam bumi;
- Mengalih tumpuan daripada keuntungan yang tidak yang diperoleh secara tidak bermoral daripada alam sekitar, kepada memelihara serta meningkatkan taraf hidup golongan miskin dunia;
- Melabur dalam ekonomi hijau.

3.3 Kami menyeru rakyat dan pemimpin semua negara untuk –

- Menetapkan matlamat menghentikan pelepasan gas rumah hijau secepat mungkin bagi menstabilkan kepekatan di atmosfera;
- Komited 100% terhadap penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan/atau strategi pelepasan sifar seawal mungkin, untuk menangani kesan kepada alam sekitar akibat daripada aktiviti-aktiviti mereka;
- Melabur dalam tenaga boleh diperbaharui yang tidak berpusat, yang merupakan cara terbaik untuk mengurangkan kemiskinan dan mencapai pembangunan mampan;
- Sedar bahawa tidak mungkin kita boleh mengejar pembangunan ekonomi tanpa had di sebuah planet yang mempunyai batasan dan telah berlebihan muatan. Pertumbuhan perlu dilaksanakan dengan bijak dan sederhana; meletakkan keutamaan kepada daya tahan, terutamanya di kalangan golongan paling terjejas kesan perubahan iklim yang sedang berlaku yang dijangka berterusan untuk beberapa tahun akan datang;

- Menggerakkan model kesejahteraan yang baru, berdasarkan alternatif kepada model kewangan semasa yang menyusutkan sumber, merosakkan alam sekitar, dan meningkatkan ketidaksaksamaan;
- Mengutamakan usaha penyesuaian dengan sokongan yang sewajarnya kepada negara yang terjejas yang mempunyai kapasiti yang kurang, untuk menyesuaikan diri. Juga kepada golongan yang mudah terjejas termasuklah orang asal, wanita dan kanak-kanak.

3.4 Kami menyeru syarikat – syarikat, sektor kewangan dan perniagaan untuk –

- Memikul tanggungjawab terhadap aktiviti mereka yang bersifat keuntungan, dan mengambil peranan proaktif dalam mengurangkan jejak karbon dan kesan-kesan lain terhadap alam tabii;
- Sebagai usaha mitigasi ke atas aktiviti mereka yang meninggalkan kesan kepada alam sekitar, mereka perlu memberi komitmen 100% kepada tenaga boleh diperbaharui dan/atau strategi pelepasan sifar seawal mungkin dan mengalihkan pelaburan kepada tenaga boleh diperbaharui sebagai usaha menghentikan kesan terhadap alam sekitar daripada aktiviti yang dilakukan mereka;
- Mengubah model perniagaan semasa yang berdasarkan ekonomi tidak mampan, kepada ekonomi lingkaran yang lebih mampan;
- Memberi lebih perhatian kepada tanggungjawab sosial dan ekologi, terutamanya dalam pengeluaran dan penggunaan sumber yang terhad;
- Membantu dalam menghentikan pelaburan dalam ekonomi yang didorong oleh bahan api fosil dan meningkatkan skala tenaga boleh diperbaharui dan alternatif ekologi lain.

3.5 Kami menyeru semua pihak bersama kami dalam usaha, kerjasama dan persaingan sihat ini dan kami mengalu-alukan sumbangan signifikan yang dilakukan oleh penganut agama lain, kerana kita semua boleh menjadi pemenang dalam usaha ini.

*Tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap kurnia yang telah diberikanNya kepadamu, maka berlumba – lumbalah berbuat kebajikan.*

**Al-Quran 5:48**

3.6 Akhirnya, kami menyeru seluruh umat Islam di mana sahaja mereka berada, termasuklah:

- Ketua negara
- Pemimpin politik
- Komuniti perniagaan
- Delegasi UNFCCC
- Pemimpin agama dan ulama
- Jemaah masjid
- Waqaf Islam (*awqaf*)
- Pendidik dan institusi pendidikan
- Ketua komuniti
- Aktivistik masyarakat
- Badan bukan kerajaan
- Media dan komunikasi

untuk bersama-sama merubah kelakuan, cara berfikir, dan mencari punca perubahan iklim, pencemaran alam sekitar dan kehilangan biodiversiti dalam lingkungan pengaruh mereka, dengan mengikut contoh Nabi Muhammad SAW dan seterusnya memberi penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi kini. Tuhan berfirman di dalam Al-Quran:

*Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan sombong kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi dan tidak akan mampu menjulang setinggi gunung.*

**Al-Quran 17:37**

Dan kita diingatkan oleh hadith Rasul SAW:

*"Sesungguhnya dunia adalah manis dan menghijau, dan sesungguhnya Allah menjadikan kalian sebagai khalifah di bumi. Maka Allah akan melihat apa yang kalian perbuat"*

**(Hadis riwayat Muslim dari Abu Sa'id Al-Khudri)**